

Program Saringan Kesihatan 3.0 bagi tahun 2023 & 2024

1 Apakah itu HSP?

- HSP atau Health Screening Program (Program Saringan Kesihatan) merupakan insentif yang disediakan oleh PERKESO dalam usaha menggalakkan gaya hidup sihat dan mengenal pasti kumpulan pekerja yang berisiko tinggi menghidap penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, pemeriksaan kesihatan ditawarkan secara percuma kepada pekerja yang layak untuk memangkin kesedaran berkenaan kepentingan pemeriksaan kesihatan di kalangan pekerja bagi pengesanan awal penyakit tidak berjangkit.

2 Apakah itu HSP 3.0?

- HSP mula ditawarkan oleh PERKESO pada tahun 2013. Sehingga tahun 2022, seramai hampir 600,000 orang pekerja telah memanfaatkan program ini dengan menjalani saringan kesihatan di bawah HSP.

Pada tahun 2023, PERKESO telah memperkenalkan HSP 3.0 bagi membolehkan pekerja mendapatkan status kesihatan yang terkini terutamanya pasca COVID-19. Selain itu, PERKESO turut menawarkan parameter saringan kesihatan yang lebih baik bagi pengesanan lebih banyak faktor risiko penyakit tidak berjangkit.

HSP 3.0 adalah Program Saringan Kesihatan yang ditawarkan dengan geran padanan yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui Bajet 2023. Inisiatif ini dilanjutkan pada tahun 2024 bagi memberikan peluang kepada pekerja yang masih belum berkesempatan untuk menjalani saringan kesihatan.

3 Berapa lama tempoh pelaksanaan HSP 3.0?

- HSP 3.0 mula ditawarkan pada 16 Mei 2023 dan program ini telah dilanjutkan bagi tahun 2024.** Justeru, semua pekerja yang berkelayakan digalakkan untuk menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0.

4 Apakah objektif HSP?

- Memupuk kesedaran pekerja terhadap penyakit tidak berjangkit dan menggalakkan budaya hidup sihat.
- Mengesan penyakit tidak berjangkit pada peringkat awal.
- Mencegah hilang upaya dan kematian awal disebabkan penyakit tidak berjangkit.
- Mencegah pengurangan atau kehilangan punca pendapatan disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit.
- Meningkatkan sumber modal insan dan produktiviti negara melalui persekitaran populasi pekerja yang

SOALAN - SOALAN LAZIM

Program Saringan Kesihatan 3.0 bagi tahun 2023 & 2024

- 5 Apakah Geran Padanan oleh Kerajaan digunakan untuk pelaksanaan HSP 3.0?**
- Ya. Geran Padanan oleh Kerajaan digunakan bagi menambahbaik parameter saringan yang ditawarkan melalui HSP 3.0.
- 6 Apakah kriteria kelayakan bagi HSP 3.0?**
- Kriteria kelayakan bagi HSP 3.0 adalah seperti berikut
 - Warganegara Malaysia
 - Berumur antara 40 hingga 59 tahun
 - Merupakan pencarum aktif PERKESO di bawah Akta Keselamatan Pekerja 1969 iaitu mempunyai sekurang-kurang satu (1) caruman terkini dalam tahun semasa.
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan caruman di bawah Akta Keselamatan Pekerja 1969.
- 7 Pekerja telah menjalani saringan kesihatan di bawah HSP sebelum ini. Adakah pekerja tersebut layak di bawah HSP 3.0?**
- HSP 3.0 menawarkan semula saringan kesihatan secara percuma kepada pekerja yang memenuhi kelayakan. Semua pekerja termasuk pekerja yang pernah menjalani saringan kesihatan di bawah HSP sebelum ini boleh menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0.
- Walau bagaimanapun, pekerja tersebut hendaklah memenuhi semua kriteria kelayakan yang ditetapkan.
- 8 Apakah jenis saringan kesihatan yang ditawarkan di bawah HSP 3.0?**
- Terdapat dua (2) jenis saringan kesihatan yang ditawarkan di bawah HSP 3.0;
 - Saringan kesihatan *standard*
 - Saringan *mammogram* (untuk wanita sahaja)
- 9 Apakah parameter saringan kesihatan yang ditawarkan di bawah HSP 3.0?**
- Jenis saringan yang ditawarkan melalui HSP 3.0 meliputi;
 - Indeks Jisim Badan (BMI)
 - Sejarah kesihatan

Program Saringan Kesihatan 3.0 bagi tahun 2023 & 2024

- iii. Kesihatan mental
- iv. Tekanan darah
- v. Saringan kencing manis (*HbA1c*)
- vi. Fungsi hati
- vii. Fungsi buah pinggang
- viii. Ujian air kencing untuk protin
- ix. Komposisi darah merah
- x. Kolesterol
- xi. *Tumour marker (CEA & AFP)*
- xii. Saringan kanser payudara dan pangkal rahim/serviks (mamogram dan pap smear) untuk wanita.

b. Parameter saringan kesihatan

JENIS	JENIS PEMERIKSAAN	PARAMETER
Saringan Kesihatan Standard	Pemeriksaan Darah	a. <i>Full Blood Count (FBC)</i> b. <i>HbA1c</i> c. <i>Lipid Profile</i> d. <i>Renal Profile</i> e. <i>Liver Function Test</i> f. <i>Tumour Marker (CEA & AFP)</i> g. <i>Urine FEME</i> h. Pap smear (pilihan/optional) – ditawarkan kepada wanita sahaja
	Lain-lain perkhidmatan	a. Pemeriksaan fizikal b. Saringan kesihatan mental c. Analisa laporan saringan kesihatan d. Khidmat nasihat
Saringan Mammogram (Pilihan/Optional)		a. Pemeriksaan kanser payudara melalui ujian mamografi

10 Apakah cara untuk menyemak kelayakan bagi HSP 3.0?

- Semakan kelayakan bagi HSP 3.0 boleh dibuat di laman sesawang SEHATi (sehati.perkeso.gov.my) melalui menu My HSP Status. Pekerja juga boleh menyemak kelayakan melalui aplikasi SEHATi yang boleh dimuat turun secara percuma melalui Google Playstore atau Apple Appstore.

Program Saringan Kesihatan 3.0 bagi tahun 2023 & 2024

11 Bagaimana cara untuk mendapatkan saringan kesihatan di bawah HSP 3.0?

- a. Muat turun aplikasi SEHATi secara percuma di Google Playstore atau Apple Appstore.
- b. Daftar sebagai pengguna di aplikasi SEHATi dan semak kelayakan.
- c. Pilih pakej bagi saringan kesihatan standard.
- d. Tetapkan janji temu saringan kesihatan bersama Klinik Panel HSP melalui aplikasi SEHATi.
- e. Lengkapkan soalan Pra-penilaian dan DASS-21 sebelum hadir ke klinik.
- f. Hadir ke klinik mengikut janji temu yang telah ditetapkan.
- g. Setelah selesai menjalani saringan kesihatan standard, pekerja wanita amat digalakkan untuk menjalani pemeriksaan mamogram. Pekerja wanita yang berminat untuk menjalani pemeriksaan mamogram perlu membuat janji temu yang lain dengan Pusat Mamogram Panel HSP melalui aplikasi SEHATi.

12 Di manakah saringan kesihatan boleh dilakukan?

- Saringan kesihatan perlu dijalankan di klinik panel yang berdaftar di bawah HSP. Senarai Klinik Panel HSP PERKESO boleh didapati melalui aplikasi SEHATi dan juga portal SEHATi di sehati.perkeso.gov.my.

Pekerja perlu menetapkan janji temu bersama Klinik Panel HSP melalui aplikasi SEHATi terlebih dahulu sebelum hadir menjalani saringan kesihatan.

13 Apakah yang akan dilakukan semasa sesi saringan kesihatan?

- Sebelum menjalani saringan kesihatan, pekerja tidak boleh mengambil makanan atau minuman sekurang-kurangnya 5 hingga 6 jam sebelum saringan kesihatan. Maklumat dan kelayakan pekerja akan disemak semula oleh klinik sebelum saringan kesihatan dijalankan.

Semasa sesi saringan kesihatan standard, klinik akan menjalankan pemeriksaan fizikal yang merangkumi pemeriksaan tanda vital (*vital sign*), pemeriksaan latar belakang kesihatan keluarga dan pengambilan sampel darah. Pengambilan sampel pap smear akan turut dijalankan bagi pekerja wanita. Walau bagaimanapun, ujian pap smear ditawarkan secara pilihan dan tidak diwajibkan.

Sampel darah dan sampel pap smear (sekiranya ada) akan dihantar ke Makmal Panel HSP untuk ujian selanjutnya.

SOALAN - SOALAN LAZIM

Program Saringan Kesihatan 3.0 bagi tahun 2023 & 2024

14 Bagaimakah pemeriksaan mamogram dijalankan?

- Pemeriksaan mamogram hanya boleh dijalankan setelah pekerja selesai menjalani saringan kesihatan standard. Pekerja perlu menetapkan janji temu bagi pemeriksaan mamogram bersama Pusat Mamogram Panel HSP melalui aplikasi SEHATi.

Pemeriksaan mamogram ditawarkan secara pilihan dan tidak diwajibkan.

15 Bagaimakah keputusan saringan kesihatan diperoleh?

- Keputusan saringan kesihatan standard akan diterima oleh pekerja dalam tempoh 7 hingga 14 hari. Pekerja boleh memuat turun keputusan saringan kesihatan melalui aplikasi SEHATi setelah ianya disahkan oleh Klinik Panel HSP.

Sekiranya pekerja masih belum menerima keputusan saringan kesihatan dalam tempoh tersebut, pekerja perlu menghubungi Klinik Panel HSP untuk semakan selanjutnya.

Pekerja juga akan menerima tarikh janji temu untuk sesi khidmat nasihat melalui aplikasi SEHATi atau panggilan telefon oleh Klinik Panel HSP.

Keputusan pemeriksaan mammogram juga boleh diakses melalui aplikasi SEHATi dan pekerja akan menerima tarikh janji temu untuk sesi khidmat nasihat bagi pemeriksaan ini daripada Klinik Panel HSP yang sama.

16 Adakah keputusan saringan kesihatan pekerja boleh diakses oleh pihak luar?

- Tidak, keputusan saringan kesihatan hanya boleh diakses oleh pekerja melalui aplikasi SEHATi dan keputusan tersebut tidak akan didedahkan kepada pihak luar.

17 Adakah saringan kesihatan boleh dijalankan di premis majikan?

- Ya, majikan boleh bekerjasama dengan Klinik Panel HSP bagi penyelarasan saringan kesihatan di tempat kerja untuk menggalakkan lebih ramai pekerja tampil menjalani saringan kesihatan.

Walau bagaimanapun, keputusan saringan kesihatan hanya boleh diakses oleh pekerja sahaja.

SOALAN - SOALAN LAZIM

Program Saringan Kesihatan 3.0 bagi tahun 2023 & 2024

SITUASI KELAYAKAN HSP 3.0

- 18** **Saya tidak pernah menjalani saringan kesihatan di bawah HSP sebelum ini. Adakah saya masih layak untuk menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0 ?**
- Ya, pekerja boleh menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0 sekiranya memenuhi kriteria kelayakan HSP 3.0.
-
- 19** **Adakah saya boleh menjalani lebih daripada satu saringan kesihatan di bawah HSP 3.0?**
- Tidak, pekerja hanya boleh menjalani saringan kesihatan sekali sahaja di bawah HSP 3.0.
-
- 20** **Saya telah menjalani saringan kesihatan di bawah HSP pada tahun 2015. Adakah saya masih layak untuk menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0?**
- Ya, pekerja boleh menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0 pada tahun yang sama sekiranya memenuhi kriteria kelayakan HSP 3.0.
-
- 21** **Saya telah menjalani saringan kesihatan di bawah HSP pada bulan Mac 2023. Adakah saya layak bagi HSP 3.0 yang bermula pada 1 Mei 2023?**
- Ya, pekerja boleh menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0 pada tahun yang sama sekiranya memenuhi kriteria kelayakan HSP 3.0.
-
- 21** **Saya telah menjalani saringan kesihatan di bawah HSP pada tahun 2013 dan saya tidak menjalani pemeriksaan mammogram. Adakah saya layak untuk menjalani saringan kesihatan di bawah HSP 3.0 termasuk pemeriksaan mamogram?**
- Ya, pekerja boleh menjalani saringan kesihatan termasuk pemeriksaan mammogram di bawah HSP 3.0 sekiranya memenuhi kriteria kelayakan HSP 3.0. Walau bagaimanapun, pemeriksaan mammogram hanya boleh dijalankan selepas pekerja menjalani saringan kesihatan standard.